

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)24

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

24. Sejauh manakah MAINPP terlibat dalam proses pemilihan pengerusi dan jawatankuasa masjid di Pulau Pinang oleh anak kariah untuk kali ini?
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan proses pemilihan ini bebas daripada campur tangan yang tidak wajar?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Seksyen 104(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (pindaan 2023) memperuntukkan bahawa Majlis boleh dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan bagi:
- (a) Penubuhan jawatankuasa kariah bagi sesuatu kariah masjid
- (b) Menetapkan cara bagaimana anggota jawatankuasa kariah itu hendak dilantik

Berdasarkan seksyen di atas, MAINPP telah menentukan Tatacara Pencalonan Jawatankuasa Kariah Negeri Pulau Pinang 2024 yang pastinya mengharapkan Jawatankuasa kariah yang dilantik dapat membantu MAINPP mentadbir kariah mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (pindaan) 2023 dan Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Qaryah dan Pegawai Masjid Negeri Pulau Pinang 1997.

Jawatankuasa yang dilantik akan berperanan bagi pengelolaan sempurna keadaan baik masjid, surau dan semua tanah perkuburan Islam dalam kariah dan berkemampuan menjalankan daya usaha memperbaiki dan mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan Masyarakat orang Islam dalam kariah.

Tatacara pemilihan ini telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil.11 Tahun 2024 (kali ke 259) bertarikh 18 November 2024 dan telah diperkenankan oleh Yang di Pertuan Agong pada 2 Disember 2024 di mana Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, JHEAIPP akan menguruskan sepenuhnya urusan cadangan pelantikan Jawatankuasa Kariah sesi 2026-2028 ini.

Bagi Masjid Negeri Pulau Pinang dan masjid-masjid daerah, Mesyuarat MAINPP Bil. 9/2024 bertarikh 30 September 2024 telah meluluskan cadangan penstrukturan semula jawatankuasa Pengurusan Masjid Negeri dan masjid-masjid daerah seluruh negeri Pulau Pinang dengan melantik Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang sebagai Pengerusi Masjid Negeri Pulau Pinang dan Pegawai Tadbir Agama Daerah sebagai Pengerusi di masjid-masjid daerah. Ahli Jawatankuasa lain Masjid Negeri dan masjid-masjid daerah adalah terdiri daripada penjawat awam dari pelbagai agensi seperti PDRM, JKR, Jabatan Pendidikan, Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan wakil-wakil surau dalam kariah masjid daerah berkenaan.

- (a) Bagi memastikan tiada sebarang campur tangan yang tidak wajar dalam pemilihan ini, pencalonan perlulah dicadangkan oleh seorang pencadang dan mendapat sekurang-kurangnya seorang penyokong yang ditentukan sendiri oleh ahli-ahli kariah yang hadir dalam mesyuarat agong pencalonan. Selain itu, antara syarat pencalonan adalah calon perlu tinggal tetap dalam kariah masjid itu bagi tempoh tidak kurang daripada 3 bulan dan calon perlu hadir ke mesyuarat pencalonan tersebut.